



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

**KERATAN AKHBAR
DAN
BERITA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

28 OGOS 2023 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

28 OGOS 2023 (ISNIN)

KPDN tangani bekalan gula

Penyelesaian jangka panjang dicari bersama kementerian lain

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang berbincang dengan beberapa kementerian berkaitan bagi mencari penyelesaian jangka panjang mengatasi masalah bekalan gula.

Pemangku Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata beliau sudah mempengerusikan mesyuarat membabitkan Kementerian Ekonomi, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi tujuan berkenaan.

Katanya, pada peringkat sekarang, KPDN jalankan Ops Manis bagi memastikan pengilang dan pemborong menjalankan tanggungjawab mereka membekalkan gula putih bertapis.

"Kita tahu ada isu berkaitan gula ini yang memerlukan penyelesaian jangka panjang membabitkan beberapa kementerian dan kita sedang berbincang mengenainya.



Armizan menerima buku SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan daripada Pengerusi SSM, Ahmad Sabki Yusof (tengah) selepas selepas Program Bimbingan Usahawan dan Sesi Libat Urus bersama Intermediari Korporat SSM 2023 Peringkat Negeri Johor, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Pada peringkat semasa, kita kena teruskan Ops Manis untuk pastikan pengilang bertanggungjawab membekalkan gula bertapis putih kasar dan halus sebanyak 42,000 tan sebulan.

"Itu tanggungjawab mereka (pengilang) yang perlu tunaikan, selain pemborong di bawah peraturan bekalan," katanya selepas Program Bimbingan Usahawan dan Sesi Libat Urus bersama Intermediari Korporat SSM 2023 Peringkat Negeri Johor, di sini semalam.

Syarat pembelian tak dibenar

Sementara itu, Armizan berkata, peniaga tidak dibenar mengenakan syarat dalam pembelian gula.

Katanya, KPDN akan mengamalkan tindakan terhadap peniaga yang meletakkan syarat, kononnya perlu melakukan pembelian satu kilogram gula putih jernih (premium) terlebih dahulu, jika mahu membeli gula pasir kasar.

"Tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana pihak yang mengenakan syarat berkenaan tanpa kebenaran pengawal bekalan dan kes disiasat mengikut Seksyen 19 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Syarat itu tidak boleh diletakkan dan jika ada kes, boleh dilaporkan kepada kita untuk tindakan bersesuaian serta-merta," katanya.

Kelmarin, Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail,

dalam kenyataan berkata sebuah premis perniagaan di Batu Gajah, diserbu selepas didapati menjual gula pasir secara bersyarat.

Tindakan itu dikesan selepas penguat kuasa KPDN berpakaian preman melakukan penyamaran untuk membeli gula pasir kasar berharga RM2.85 sepeket di premis berkenaan.

Premis berkenaan dikesan meletakkan syarat jika mahu membeli gula pasir kasar, pengunjung perlu terlebih dahulu membeli satu kilogram gula putih jernih (premium) berharga RM4.50 sepeket.

Susulan itu, kira-kira 100 kilogram gula pasir kasar dan 74 kilogram gula pasir jernih disita.

KPDN cari penyelesaian jangka panjang isu gula

JOHOR BAHRU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) kini dalam proses mencari penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi isu bekalan gula di negara ini.

Pemangku Menteri, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, kementerian sedang membincangkan perkara tersebut dengan beberapa kementerian berkaitan antaranya Kementerian Ekonomi, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Kita tahu ada sedikit sebanyak isu gula ini yang memerlukan penyelesaian jangka panjang yang melibatkan beberapa kementerian," katanya selepas merasmikan Program Bimbingan Usahawan & Sesi Libat Urus bersama Intermediari Korporat SSM 2023 Peringkat Negeri Johor di Hotel Holiday Villa, di sini, semalam.

Dalam masa sama, beliau berkata, KPDN giat menjalankan Ops Manis bagi memastikan pengilang dan pemborong menjalankan tanggungjawab mereka membekalkan gula putih bertapis.

"Kita kena teruskan Ops Manis untuk pastikan pengilang yang bertanggungjawab membekalkan gula rakyat, bertapis putih kasar dan halus sebanyak 42,000 metrik tan sebulan.

"Itu tanggungjawab pengilang dan mereka perlu tunai, begitu juga pemborong seperti yang termaktub di bawah peraturan peraturan bekalan," katanya.

Dalam pada itu, Armizan menegaskan peniaga tidak dibenarkan mengenakan syarat



Kita kena teruskan Ops Manis untuk pastikan pengilang yang bertanggungjawab membekalkan gula rakyat."

ARMIZAN MOHD. ALI

dalam pembelian gula.

Kementerian itu tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang meletakkan syarat perlu membeli satu kilogram gula putih jernih (premium) jika mahu membeli gula pasir kasar.

"Tindakan undang-undang akan diambil ke atas pihak yang didapati mengenakan syarat berkenaan tanpa kebenaran Pengawal Bekalan dan disiasat mengikut Seksyen 19 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Syarat itu tidak boleh diletakkan dan kalau ada sila laporkan kepada kita kerana di bawah perintah bekalan itu peniaga tidak boleh meletakkan syarat sedemikian dan kita akan ambil tindakan bersesuaian. Kita ada terima aduan dan kita dapat menyelesaikan aduan itu serta-merta kepada mana-mana yang terlibat," katanya.

Semalam, Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail dalam kenyataan berkata sebuah premis perniagaan di Batu Gajah diserbu setelah didapati mengenakan syarat tertentu bagi penjualan gula pasir.

Hasil Jualan Rahmah Pahang RM5.7j

Kuantan: Program Jualan Rahmah di Pahang merekodkan lebih RM5.7 juta hasil jualan dengan jumlah pengunjung dianggarkan 200,000 sehingga semalam.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Senator Fuziah Salleh, berkata rekod jualan itu diperoleh selepas program itu dilaksanakan di 136 tempat membatinkan 42 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Katanya, program seumpama itu inisiatif kerajaan yang dilihat dapat memberi kesan positif terhadap rakyat dalam meringankan kos sara hidup.

Sasar dua kali sebulan

Selain itu, beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga akan memastikan Jualan Rahmah dapat dianjurkan di setiap kawasan DUN di seluruh negara, termasuk di kawasan pedalaman.

"Kita juga meletakkan sasaran supaya Jualan Rahmah dua kali sebulan di setiap DUN dapat dicapai menjelang penghujung tahun ini.



Orang ramai hadir pada Program Jelajah Jualan Rahmah di luar Stadium Darul Makmur, Kuantan, semalam.

(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

"Kalau ada sesiapa mahu (program) Kedai Cari Rakyat pergi ke kawasan mereka, bagi tahu kementerian. Nanti KPDN akan kumpul maklumat untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Jelajah Jualan Rah-

mah dan pelancaran Jualan Rahmah Bergerak #KedaiCariRakyat peringkat Pahang, di luar Stadium Darul Makmur, di sini semalam.

Setakat ini, Program Jualan Rahmah merekodkan lebih RM70 juta jualan dengan kehadiran sebanyak 2.8 juta pengunjung di se-

luruh negara.

Mengulas lanjut, Fuziah berkata, inisiatif itu satu daripada usaha KPDN untuk membantu menurunkan kadar inflasi negara yang mencapai 2.0 peratus, berbanding 4.0 peratus pada November tahun lalu. **BERNAMA**



TONG berisi diesel dirampas di Johor Bahru kelmarin.

Beli diesel bersubsidi, jual di pasaran gelap

JOHOR BAHRU – Tindakan seorang lelaki cuba mengaut keuntungan dengan membeli minyak diesel bersubsidi tidak berhasil apabila dia ditahan di Kawasan Perindustrian Seri Purnama di sini kelmarin.

Dalam kejadian pada pukul 5.15 pagi itu, lelaki berusia 42 tahun berkenaan ditahan selepas disyaki terlibat dalam pembelian minyak bersubsidi di stesen-stesen minyak di sekitar Johor Bahru.

Selepas mendapatkan bекalan diesel bersubsidi, lelaki itu bertindak menjualnya ke pasaran gelap.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, dalam operasi yang dilaksanakan sepasukan polis Batalion 5 Pasukan Gerakan Am (PGA) Sungai Gores telah menjumpai 5,000 liter minyak diesel.

"Lelaki itu ditahan selepas disyaki terlibat dalam aktiviti

pembelian minyak bersubsidi di stesen-stesen minyak berhampiran. Hasil pemeriksaan mendapati terdapat tong statik berisi 5,000 liter bernilai anggaran RM12,900.

"Polis merampas pelbagai peralatan termasuk mesin pengepam, hos, sebuah lori, tong berisi 5,000 liter minyak diesel dan nilai keseluruhan rampasan adalah RM125,415," katanya dalam kenyataan di sini kelmarin.

Kamarul Zaman berkata, suspek yang ditahan kemudiannya diserahkan kepada pasukan penyiasat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Ujarnya, hasil semakan rekod ke atas suspek mendapati, lelaki itu mempunyai rekod jenayah lampau berkaitan Akta Rumah Judi Terbuka 1953.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)

28 OGOS 2023 (ISNIN)

Usahawan B40 digalakkan memanfaatkan inisiatif SPPP

KUALA LUMPUR - Peniaga dan kumpulan usahawan B40 digalakkan untuk memanfaatkan inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) ditawarkan kerajaan melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, jumlah perniagaan yang berjaya didaftarkan secara per-

cuma melalui SPPP bermula 1 Januari 2023 sehingga 31 Julai 2023 adalah sebanyak 26,410 perniagaan.

“Sementara itu, baki peruntukan geran SPPP sebanyak RM6 juta boleh memanfaatkan lebih 80,000 usahawan,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Armizan berkata, SPPP merupakan inisiatif diperkenalkan SSM untuk memberi peluang kepada golongan usahawan

kumpulan B40 serta pelajar institut pengajian tinggi sepenuh masa untuk mendaftarkan perniagaan mereka di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 secara percuma.

Selain itu, SSM juga telah menganjurkan dua siri Program Bimbingan Usahawan (PBU) tahun ini iaitu di Pahang dengan penglibatan lebih 400 orang peserta, manakala 1,000 peserta di Selangor. - *Bernama*



ARMIZAN



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE (KPDN)

28 OGOS 2023 (ISNIN)

BERITA ONLINE BERTARIKH 28 OGOS 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
28-Aug	KPDN cari solusi jangka panjang atasi masalah bekalan gula	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kpdn-cari-solusi-jangka-panjang-atasi-masalah-bekalan-gula-x8nig3x	ASTROAWANI
28-Aug	Stern action to be taken against businesses imposing premium sugar sale conditions	https://www.thesundaily.my/local/stern-action-to-be-taken-against-businesses-imposing-premium-sugar-sale-conditions-LF11417185	THESUNDAILY
28-Aug	KPDN cari penyelesaian jangka panjang isu bekalan gula	https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/kpdn-cari-penyelesaian-jangka-panjang-isu-bekalan-guna/	UM
28-Aug	Peniaga letak syarat wajib beli gula premium akan dikenakan tindakan tegas	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/peniaga-letak-syarat-wajib-beli-gula-premium-akan-dikenakan-tindakan-tegas-434732%3famp=1	ASTROAWANI
28-Aug	Peniaga letak syarat wajib beli gula premium akan dikenakan tindakan tegas	https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/27/peniaga-letak-syarat-wajib-beli-gula-premium-akan-dikenakan-tindakan-tegas	UMBORNEO
28-Aug	KPDN cari jalan atasi bekalan gula jangka panjang	https://www.kosmo.com.my/2023/08/27/kpdn-cari-jalan-atasi-bekalan-gula-jangka-panjang/	KOSMO
28-Aug	Sugar cannot be sold with conditions, says Armizan	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/27/sugar-cannot-be-sold-with-conditions-says-armizan	THESTAR
28-Aug	Peniaga dilarang letak syarat dalam pembelian gula – Armizan	https://malaysiagazette.com/2023/08/27/peniaga-dilarang-letak-syarat-dalam-pembelian-gula-armizan/	MALAYSIAGAZETTE
28-Aug	Peniaga jangan letak syarat jual gula pasir biasa – Fuziah	https://www.kosmo.com.my/2023/08/27/peniaga-jangan-letak-syarat-jual-gula-pasir-biasa-fuziah/	KOSMO

28-Aug	Peniaga letak syarat wajib beli gula premium akan dikenakan tindakan tegas	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2220123	BERNAMA
28-Aug	Lebih 26,00 syarikat perniagaan didaftar melalui skim SPPP sejak Januari	https://www.buletintv3.my/nasional/lebih-2600-syarikat-perniagaan-didaftar-melalui-skim-sppp-sejak-januari/	BULETINTV3
28-Aug	RUU Akta Syarikat 2016 akan dibentangkan pada Oktober	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70012-ruu-akta-syarikat-2016-akan-dibentangkan-pada-oktober	BERITARTM
28-Aug	Usahawan dan peniaga B40 digalakkan memanfaatkan inisiatif SPPP - Armizan	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/usahawan-dan-peniaga-b40-digalakkan-memanfaat-inisiatif-sppp-armizan-434734%3famp=1	ASTROAWANI
28-Aug	RUU pinda Akta Syarikat 2016 akan dibentangkan Oktober ini	https://malaysiagazette.com/2023/08/27/ruu-pinda-akta-syarikat-2016-akan-dibentangkan-oktober-ini/	MALAYSIAGAZETTE
28-Aug	Govt to table Companies Act amendment bill in October	https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2023/08/27/govt-to-table-companies-act-amendment-bill-in-october/	FMT
28-Aug	Kalau mahu 'Kedai Cari Rakyat' ke kawasan mereka, beritahu KPDR - Fuziah	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/08/1003885/kalau-mahu-kedai-cari-rakyat-ke-kawasan-mereka-beritahu-kpdr-fuziah	HM
28-Aug	Rahmah Sales Programme records over RM5.7 mln sales in Pahang, says Fuziah	https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/206302	SINARDAILY
28-Aug	Program Jualan Rahmah catat lebih RM5.7 juta hasil Jualan di Pahang	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2220114	BERNAMA
28-Aug	PJR records over RM5.7 mln sales in Pahang	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2220131	BERNAMA
28-Aug	Rahmah Sales Programme records over RM5.7 mln sales in Pahang, says Fuziah	https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/206302	SINARDAILY